



# SIARAN MEDIA

## PEMERIKSAAN AWAM PROJEK RTS LINK DIADAKAN SECARA MAYA

***Orang ramai dijemput untuk melihat maklumat dan berkongsi  
maklum balas secara atas talian dalam masa tiga bulan  
pemeriksaan awam dijalankan***

**Kuala Lumpur, 14 Januari 2021:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan bahawa Pemeriksaan Awam untuk Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) antara Johor Bahru dan Singapura akan bermula pada 15 Januari 2021 dan berlangsung sehingga 15 April 2021.

Melihat kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada 13 Januari 2021 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor serta beberapa negeri lain, Pemeriksaan Awam ini akan dilaksanakan secara maya. Semua dokumen dan bahan untuk Pemeriksaan Awam akan disediakan atas talian di laman web MRT Corp di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).

Pada mulanya, MRT Corp berhasrat membuka dua lokasi fizikal Pemeriksaan Awam, iaitu di Ibu Pejabat Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) di Kuala Lumpur, dan juga di KOMTAR JBCC di Johor Bahru. Kedua-dua lokasi ini telah diiklankan melalui notis-notis di dalam surat khabar *Berita Harian*, *The Star* dan *Nanyang Siang Pau*.

Walaupun lokasi ini tidak dapat dibuka buat masa ini, MRT Corp akan membuka lokasi-lokasi tersebut kepada orang ramai setelah PKP tamat. MRT Corp akan membuat pengumuman apabila lokasi dibuka semula.

Pemeriksaan Awam selama tiga bulan wajib dijalankan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Semasa pemeriksaan awam dijalankan, maklumat mengenai Projek RTS Link, seperti pelan dan profil jajaran, pelan konteks tapak stesen, kereta api dan butiran mengenai tanah yang mungkin diambil untuk projek ini akan disediakan untuk diteliti oleh orang ramai.



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I & P 1,

Tel: +60 3 2095 3030

No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,

Fax: +60 3 2095 2121

50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Orang ramai juga boleh memberi maklum balas atau mengemukakan bantahan berdasarkan maklumat yang disediakan. Maklum balas atau bantahan mesti dibuat antara 15 Januari 2021 dan 15 April 2021 dengan menggunakan Borang Bantahan Awam atas talian yang juga disediakan di dalam laman web MRT Corp bersama dengan bahan Pemeriksaan Awam. Semua maklum balas dan bantahan akan dikemukakan kepada APAD.

Mereka yang mempunyai pertanyaan lebih lanjut mengenai Pemeriksaan Awam boleh menghubungi MRT Corp dengan menghubungi **+6017-3438890** atau menghantar e-mel ke **[rts-feedback@mymrt.com.my](mailto:rts-feedback@mymrt.com.my)**.

RTS Link adalah perkhidmatan tren ulang-alik antara Johor Bahru dan Woodlands, Singapura. Laluan ini adalah sepanjang 4 km, di mana 2.7km berada di Malaysia dan s 1.3 km di Singapura.

Laluan ini akan mempunyai dua stesen, iaitu di Bukit Chagar, Johor Bahru dan di Woodlands North, Singapura. Apabila siap, laluan ini akan menjadi lintasan sempadan antarabangsa antara Malaysia dan Singapura yang selesa dan efisien.

Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh MRT Corp, telah dilantik sebagai syarikat infrastruktur awam Malaysia (InfraCo) untuk projek ini. Kerja-kerja infrastruktur awam laluan dijangka siap pada tahun 2024 dan perkhidmatan tren dijangka mula pada akhir tahun 2026.

-tamat/-

***Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:***

***Encik Leong Shen-Li***

*MRT Corp*

***+6012-319 6602 / [leong.shen-li@mymrt.com.my](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)***

***Cik Amalina Ghazali***

*MRT Corp*

***+6016-215 4055 / [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)***